

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [ Gombak ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah unit rumah PR1MA yang telah dibina sepanjang tahun 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, PR1MA sedang rancak melaksanakan mandat Kerajaan ke arah memastikan 160,000 unit rumah yang disasarkan bagi tahun 2013 dan 2014 tercapai. Alhamdulillah Anggota Perbadanan PR1MA setakat ini telah meluluskan sebanyak 97,887 unit perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti di seluruh negara. Pada masa ini projek-projek PR1MA masih lagi di dalam pelbagai fasa perancangan dan pembinaan. PR1MA telah memulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Perak Johor dan Negeri Sembilan. Menjelang akhir tahun 2014, sebanyak 40,000 unit rumah akan berada dalam fasa pembinaan. Secara amnya, pembinaan projek perumahan PR1MA ini akan mengambil masa selama 2 tahun bagi projek bertanah dan 3 tahun bagi kediaman jenis strata untuk disiapkan.

Sekian. Terima kasih.